

## Dr Mastura Badzis →

bhnta@bharian.com



### Kes: Mimi:

Anak lelaki saya sudah memulakan persekolahan di TADIKA tahun ini. Saya menghantarnya ke TADIKA berasa ragu-ragu dia akan mengalami situasi seronok apabila bertemu rakan baru. Di rumah, dia agak aktif bermain dan bercakap dengan adiknya yang berusia muda dua tahun. Apa yang mengejutkan saya, gurunya memberitahu, dia sangat pendiam dan tidak fokus langsung terhadap persekitaran di TADIKA, sebaliknya, asyik bertanya apa yang dia boleh buat untuk membantu guru, selain langsung tidak mahu bergaul dengan rakan sebayanya. Apakah yang tidak kena dengan anak saya?

**K**emahiran sosial salah satu dari aspek perkembangan yang perlu dipupuk pada peringkat awal usia dan ia antara tujuan utama, mengapa kanak-kanak perlu di hantar ke TADIKA atau prasekolah. Apatah lagi, jika si kecil tidak pernah mendapat pengalaman di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) untuk bermain serta berinteraksi dengan rakan sebaya. Kanak-kanak sebenarnya, sudah mula membina hubungan sosial dengan orang di sekitarnya sejak bayi melalui senyuman, tangisan dan bahasa badan sehinggalah memasuki alam persekolahan.

Proses sosialisasi berlaku secara semula jadi dan kebolehan ini diperoleh melalui amalan seharian dan pengalaman positif berurusan dengan orang di persekitarannya. Dalam usaha kanak-kanak belajar bersosialisasi dalam konteks berkawan atau membina hubungan persahabatan, banyak aspek perlu difahami dan dikuasainya terlebih dulu, lebih-lebih lagi jika itu kali pertama, menjejakkan kaki ke 'alam sekolah'.

Kebolehan kanak-kanak membina persahabatan atau berkawan dengan rakan sebaya juga bergantung kepada keseluruhan perkembangan dan kefahamannya dalam aspek perkembangan lain berkaitan. Contoh, jika dilihat aspek emosi, kanak-kanak berupaya membina persahabatan sekiranya dia ada keyakinan diri untuk mendekati kanak-kanak lain.

Sejauh mana pula dia boleh menunjukkan minat apabila diajak bermain dan



## Mengajar anak berkawan

» Perkembangan fikiran, komunikasi beri keyakinan kepada kanak-kanak bergaul

boleh menunjukkan rasa empati terhadap kanak-kanak lain yang mengajaknya bermain bersama atau cuba untuk berkomunikasi dengannya.

Berkawan satu cabaran. Bagi aspek kognitif, ia diukur kebolehannya berkawan rapat dengan keupayaan untuk mengingat nama kawan, kebolehan mencari alternatif iaitu bagaimana mencari strategi menyelesaikan masalah sekiranya 'konflik' berlaku dan sejauh mana dia boleh menggunakan 'skrip' bersesuaian untuk sesuatu situasi sosial.

Dari aspek bahasa, penggunaan perkataan sesuai untuk 'berkenalan' dengan rakan baru juga menjadi satu kemahiran perlu dikuasai. Begitu juga kebolehan bercakap atau menjelaskan kepada kawan mengenai sesuatu perkara yang ingin diceritakan; dan bagaimana untuknya menunjukkan maklum balas sesuai jika kawannya bertanya sesuatu soalan.

Sekiranya kawan baru mengajaknya bermain sesuatu yang membabitkan kemahiran fizikal, sama ada membabitkan kemahiran motor kasar atau halus, pastinya itu juga satu cabaran perlu ditangani dan dia perlu bersedia dengan kemahiran berkenaan. Dari aspek sosial itu sendiri, peraturan apabila bermain bersama juga perlu difahami terlebih dulu, ter-

**Anda ada masalah dengan anak?**  
Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhnta@bharian.com](mailto:bhnta@bharian.com) atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

masalah belajar menunggu giliran, berkongsi dan sebagainya.

Bagi seorang kanak-kanak, belajar untuk berkawan sebenarnya suatu cabaran kerana semua kemahiran dalam pelbagai aspek yang dinyatakan, saling berkait antara satu sama lain dan perlu dikuasai terlebih dulu.

Dalam usia prasekolah, kanak-kanak biasanya akan merujuk 'kawan' sebagai seseorang yang selalu bermain dengannya. Namun, kerana ciri-ciri egosentrik yang terdapat pada si kecil pada peringkat usia ini, dia sering melihat dan memikirkan apakah patut dil-

### INFO

#### Panduan menggalakkan anak berinteraksi

● **Beri peluang dan galakan untuk anak belajar berkawan ketika di rumah**, bukan sekadar bergaul dengan adiknya. Bahkan, beri peluang bermain dengan anak jiran dan sebagainya.

● **Kenal pasti apakah kemahiran sosial yang mungkin belum dikuasai anak** dan bimbing dengan penuh berhemah dan kasih sayang.

● **Bantu anak menyebut dan mengingat nama kawan** yang berada dalam kelas TADIKA.

● **Bantu anak mengenal pasti bagaimana tingkah lakunya boleh**

memberi kesan kepada orang lain dengan memperjelaskan mengenai sebab dan akibat.

● **Bantu anak mengenal pasti reaksi emosi** yang terdapat dalam dirinya dan yang dilihat pada orang lain.

● **Beri peluang untuk anak bercakap dan meluahkan perasaan** sebagai usaha membantunya menguasai kemahiran berkomunikasi.

● **Bincang dengan guru TADIKA** supaya menjalankan aktiviti yang banyak membabitkan kanak-kanak berinteraksi, bermula dengan bergaul dengan rakan sekelas dalam kumpulan. Galakkan kanak-kanak berkomunikasi dan bersosial.

kukan oleh seorang kawan untuknya tanpa memikirkan apakah perlu dia lakukan untuk kawan.

#### Ego jadi penghalang

Pada waktu sama, rakan sebaya juga biasanya turut berfikir begitu kerana ciri-ciri egosentrik itu. Ini menyebabkan, mengapa kadang-kadang kanak-kanak pada peringkat umur ini menghadapi kesukaran untuk berkawan dan lebih selesa mengasingkan diri.


Kanak-kanak ini juga biasanya sudah bersedia menggunakan pelbagai cara atau watak bagaimana untuk berkawan. Kadang kala, dia dilihat seperti seorang ketua atau hanya sebagai pengikut atau berperanan sebagai penenang atau penyambung dua hubungan (*colabrator*).

**Bermula dari rumah**  
Hakikatnya, kebolehan seseorang kanak-kanak melakukan interaksi sosial dan membina persahabatan bermula dari rumah. Kanak-kanak mempelajari mengenai 'persahabatan', hubungan kasih sayang, keakraban dan sokongan melalui ibu bapa mereka. Hubungan rapat (*attachment and bonding*) dan pemupukan rasa percaya pada diri yang sempurna, membolehkan kanak-kanak di peringkat alam TADIKA berupaya mendekati orang lain sebagai pendamping dan merasa keseronokan berkawan.

Asas utama bagi membolehkan si kecil membina persahabatan atau menjadi kawan yang baik kepada kawannya ialah dengan menjadi ikutan baik melalui tingkah laku 'model berkawan', ditunjukkan dalam kalangan ahli keluarga.

Jika si kecil menghadapi kesukaran, bagaimana untuk berinteraksi dengan kanak-kanak lain, ibu bapa atau guru perlu mengena pasti kemungkinan si kecil mempunyai masalah kurang kemahiran sosial bagi membolehkannya berinteraksi dengan rakan sebaya.

Kanak-kanak yang terlepas peluang untuk berinteraksi dengan kanak-kanak lain, akan terlepas peluang belajar memberi dan menerima dalam konteks interaksi sosial. Kanak-kanak amat memerlukan bimbingan dalam memperkukuhkan kemahiran sosial berkawan dengan rakan sebaya, kanak-kanak yang lebih kecil atau orang dewasa di sekitarnya.



Belajar bersama memberi peluang kanak-kanak berinteraksi antara satu sama lain.